

Headline	Kajian hasil hutan masyarakat sekitar ICCA		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	29 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	326 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 672
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,016



Kajian hasil hutan masyarakat sekitar ICCA

KOTA KINABALU: Usaha-usaha sedang dibuat melalui perkongsian Kumpulan Yayasan Sabah dan Petronas untuk mengkaji dan mendokumentasikan hasil hutan dan sumber semulajadi yang digunakan oleh masyarakat di sekitar Kawasan Pemuliharaan Imbak Canyon (ICCA).

Usaha ini akan dijalankan melalui Kajian Etno-Perhutanan Imbak Canyon yang bakal diadakan di Imbak Canyon dan kawasan sekitar.

Pelancarannya yang akan diadakan pada 29 Ogos di Shangri-La Tanjung Aru Resort and Spa akan dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun.

Menurut Pengarah Yayasan Sabah, Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul, ICCA adalah unik berbanding kawasan pemuliharaan yang lain di bawah skop Kumpulan Yayasan Sabah.

Beliau berkata, setakat ini tiga ekspedisi saintifik telah dilaksanakan dalam ICCA.

“Walaupun ekspedisi-ekspedisi tersebut dilaksanakan dalam jangka masa yang singkat, kerjasama yang dijalankan menunjukkan bahawa kawasan itu mempunyai kepadatan tumbuhan ubat yang tinggi – syurga farmasetikal sejati,” kata beliau.

Disebabkan ini, Yayasan Sabah, katanya, melihat keperluan untuk menjalankan kajian untuk mengenal pasti tumbuh-tumbuhan ubat yang digunakan oleh masyarakat di sekitar ICCA.

Kajian itu, katanya, juga bertujuan untuk bertemu dengan dukun-dukun tradisional untuk mendokumentasikan pengetahuan daripada kumpulan mereka mengenai kegunaan tumbuh-tumbuhan ubat tersebut.

“Kumpulan Yayasan Sabah berharap untuk bekerja bersama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) dan pakar-pakar daripada institusi/pertubuhan berkaitan untuk membantu dalam usaha bagi memastikan semua nilai perubahan dicatat dan semua Harta Intelekt diiktiraf sewajarnya,” jelas beliau.

Beliau berkata banyak kerja perlu dilakukan misalnya mengklasifikasi dan mendokumentasikan kegunaan khasnya sebagai tumbuhan ubat.

“Panya akan memerlukan kajian komprehensif untuk mendedahkan rahsia-rahsia yang terdapat dalam kawasan pemuliharaan ini yang dipanggil ‘farmasi hidup,’ dan yang mungkin mengan-

dungi penawar kepada banyak penyakit hari ini,” katanya.

Kajian mendalam dan dokumentasi sosial yang mendalam dan komprehensif ini akan merangkumi kerja mengumpul dan mendokumen pengetahuan tentang kegunaan tumbuhan tumbuh-tumbuhan (termasuk bahagian tumbuhan, gambaran terperinci penyediaan bahagian tumbuhan itu dan kumpulan pengguna) dan taburan serta pengurusan semua tumbuhan,” kata beliau.

Khalil berkata kajian ini juga termasuk dokumentasi spesies yang menarik, pengumpulan data tentang sistem klasifikasi warga tempatan bagi tumbuhan dan alam sekitar (tumbuhan, tanah, cuaca, geologi, jenis tumbuhan, kepelbaga-

ian spesies dan sebagainya), penduduk (kumpulan etnik, bahasa, saiz dan taburan populasi, migrasi, kumpulan sosial, pendidikan dan sebagainya) dan interaksi antara mereka (sistem penggunaan tanah, sistem pemegangan tanah, gangguan manusia).

Kajian tersebut, kata beliau, akan meliputi tiga “mukim” di Daerah Tongod, iaitu Karamuak, Tongod dan Pinangah, merangkumi 48 kampung di sekitar ICCA.

Dia berkata kajian itu akan dijalankan dalam dua bahagian dengan bahagian pertama, kajian awal yang bertujuan mengumpulkan maklumat tentang struktur sosio-budaya bagi setiap kampung dan pada masa yang sama mengenal pasti dukun/penatua yang dapat memberikan maklumat berkaitan etno-perhutanan dan tumbuh-tumbuhan ubat.

Melalui bahagian kedua, katanya, penyelidik akan menemu bual dukun/penatua yang dikenal pasti dalam kajian awal tersebut berkenaan pengetahuan mereka tentang kegunaan tumbuh-tumbuhan ubat.

Beliau berkata kajian dan dokumentasi hasil hutan dan sumber semulajadi yang digunakan masyarakat-masyarakat sekitar ICCA adalah selaras dengan matlamat penempatan Kawasan Pemuliharaan Imbak Canyon contohnya sebagai sebuah Pusat Pembelajaran bagi Masyarakat Pribumi dalam pemuliharaan biodiversiti dan bagi pemuliharaan bank gen dan penerokaan potensi farmasetikal dan bioteknologi.